

**TEKS UCAPAN
YBRS. ENCIK HAZMAL ISMAIL
PENGETUA KOLEJ ZAMRUD/ BAIDURI**

**MEWAKILI
YBRS. PROF. DR. AHMAD TAUFEEK ABDUL
RAHMAN
REKTOR UiTM CAWANGAN SELANGOR**

**SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN PROGRAM SEMARAK
HIJRAH 3.0**

**26 JUN 2025 | KHAMIS | 9.00 MALAM
SURAU IBNU SINA
UiTM CAWANGAN SELANGOR
KAMPUS PUNCAK ALAM**

Terima kasih Pengacara Majlis

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

ALHAMDULILLAH RABBI ALAMIN

**WASOLATU WASALAMU ALA ASYRAFIL
ANBIYAI WAL MURSALIN WA ALA ALIHI
WASOHBIBI AJMAIN**

Al-Fadhil Ustaz Haji Lufti Fauzi bin Haji Sabari

Ketua Unit Hal Ehwal Islam

Al-Fadhil Ustaz Afif Izwan Nordin

Selaku Penceramah Jemputan

Para tetamu jemputan, mahasiswa yang dikasihi, warga UiTM Cawangan Selangor, tuan-tuan dan puan-puan serta hadirin sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan
Salam UiTM di Hatiku.**

1. Terlebih dahulu, **mewakili Profesor Dr Ahmad Taufek Abdul Rahman, Rektor UiTM Cawangan Selangor**, saya menyampaikan salam beliau dan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang hadir.
2. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah dan izin-Nya diberi kesempatan untuk kita berkumpul pada malam yang berbahagia ini bagi menjayakan **Majlis Perasmian Program Semarak Hijrah 3.0**.
3. Selawat dan salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. Penghulu segala Rasul, pembawa rahmat sekalian alam.

4. Sekalung tahniah dan syabas diucapkan kepada Unit Hal Ehwal Islam (UHEI) atas penganjuran program pada malam ini dengan kerjasama Kor Siswa Siswi Pertahanan Awam, Persatuan Rakan Masjid, Jawatankuasa Perwakilan Kolej Rafflesia, Persatuan Seni Silat Cekak Hanafi dan Komander Kesatria.

5. Satu kerjasama yang sangat baik dalam keberhasilan pelajar membina mahasiswa yang bukan sahaja cemerlang dari segi akademik, malah mempunyai nilai integriti, keimanan yang mendalam, dan semangat patriotik yang tulen.

Hadirin yang saya hormati,

6. Hijrah merupakan satu peristiwa besar dalam 4ejarah Islam. Ia bukan sekadar perpindahan Rasulullah SAW dari Mekah ke Madinah, tetapi lebih daripada itu.

7. Hijrah membawa maksud **perubahan dan pembaharuan**, dari kegelapan kepada cahaya, dari kelemahan kepada kekuatan, dan dari kejumudan kepada kemajuan.
8. Dan sebagai seorang muslim, kita juga dituntut untuk melakukan hijrah iaitu perubahan sikap, cara berfikir dan gaya hidup.
9. Sebagai seorang mahasiswa, hijrah bukan hanya dalam konteks menuntut ilmu semata-mata, tetapi bagaimana anda semua mengaplikasikan ilmu itu untuk membina diri, masyarakat dan ummah.
10. Dalam dunia yang penuh cabaran ini, hijrah kita adalah menuju ke arah **kematangan, nilai integriti, kekuatan spiritual, dan ketahanan mental**.
11. Dengan tibanya 1447 Hijri pada malam ini, marilah kita berubah ke arah lebih baik, mengukuhkan ilmu,

akhlak dan jati diri yang mencerminkan nilai Islam dalam mencapai aspirasi universiti.

12. Kita harus menjadikan hijrah sebagai panduan untuk terus berinovasi, berintegriti, dan bertanggungjawab dalam setiap aspek kehidupan akademik dan sosial.

Mahasiswa Mahasiswi yang dikasihi,

13. Ambillah semangat hijrah sebagai pedoman dalam menempuh cabaran dan peluang demi membina masa depan yang gemilang.

14. Pertama, berhijrahlah daripada sikap malas, leka dan mudah berputus asa. Jadikan ilmu yang diperolehi di universiti ini sebagai bekalan yang amat bernilai untuk membina diri dan masyarakat.

15. Kedua, berhijrahlah ke arah pembentukan akhlak mulia, kerana ilmu tanpa budi pekerti ibarat kapal

tanpa sauh; peliharalah kejujuran, hormat dan tanggungjawab dalam setiap tindakan.

16. Ketiga, berhijrahlah daripada sikap individualistik kepada jiwa besar yang peduli akan komuniti dan ummah, dengan memanfaatkan peluang di universiti untuk berbakti, bekerjasama, dan memimpin berlandaskan nilai-nilai Islam.

17. Ingatlah, hijrah adalah perjalanan berterusan yang menuntut usaha, kesabaran dan keazaman; jangan gentar untuk berubah, dan teruslah berusaha menjadi insan yang lebih baik setiap hari.

Hadirin sekalian,

18. Sebelum mengakhiri ucapan, saya menyeru seluruh warga UCS agar terus menabur bakti dengan perkhidmatan cemerlang dan berimpak, demi memastikan universiti kita kekal relevan dan

unggul di persada dunia, dengan tetap berpijak di bumi, berakar pada jati diri dan asal usul kita.

19. Saya berharap Semarak Hijrah 3.0 ini dapat menyemarakkan semula semangat perubahan dalam diri setiap warga UCS, agar tahun baru Hijrah menjadi momentum ke arah kecemerlangan akademik, kekuatan rohani, dan keharmonian sosial.

20. Terima kasih diucapkan kepada semua yang terlibat, khususnya Unit Hal Ehwal Islam atas penganjuran program ini.

21. Semoga segala usaha dan pengorbanan yang dicurahkan diberkati serta diganjar dengan sebaik-baik ganjaran oleh Allah SWT.

Hijrah langkah merubah diri,
Menuju cahaya penuh bererti.
Tinggalkan dosa, raih redha Ilahi,
Hidup bahagia penuh harmoni.

22. Dengan lafaz suci Bismillahirrahmanirrahim, saya
dengan sukacitanya merasmikan **Program
Semarak Hijrah 3.0.**

Sekian,

Wabillahi taufiq wal hidayah

Wassalamualaikum warahmatullahi

wabarakatuh.